

Mahathir: Kegiatan beli undi tak perlu disiasat

Oleh BUSTAMAM AHMAD

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini Biro Siasatan Negara (BSN) tidak perlu menjalankan penyiasatan berhubung dengan kegiatan "membeli undi" yang dilaporkan berlaku di setengah bahagian UMNO.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Timbalan Presiden UMNO berkata, Jawatankuasa Disiplin UMNO mempunyai bidangkuasa yang cukup untuk mengambil tindakan perlu terhadap sebarang kesalahan yang dilakukan oleh ahli parti.

Menurutnya, jawatankuasa itu berhak menjalankan penyiasatan terhadap segala kesalahan yang dilakukan oleh ahli UMNO dari sebarang peringkat dan kemudian mengambil tindakan sewajarnya jika didapati perlu.

"Jawatankuasa ini, yang saya sendiri mempengeruskannya sedang menjalankan penyiasatan berhubung dengan laporan itu," katanya kepada pemberita selepas mengadakan satu sidang akhbar mengenai pelaksanaan program LCP di sini.

Cadangan supaya BSN menjalankan penyiasatan berhubung dengan perkara tersebut dikemukakan oleh Menteri Pertanian, Datuk Shariff Ahmad selaku seorang ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO awal bulan ini.

Mengenai pembelian saham oleh golongan Bumiputera, beliau menjelaskan mereka yang berminat untuk berbuat demikian boleh mendapatkannya dari yunit-yunit amanah saham yang ada berikutan dengan langkah pembekuan penjualan saham kepada orang perseorangan Bumiputera.

Beliau telah mengumumkan pembekuan langkah Kerajaan menjual saham-saham kepada orang perseorangan Bumiputera semalam.

Langkah itu diambil setelah satu kajian oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menunjukkan saham-saham yang diuntukan kepada golongan Bumiputera dijual oleh setengah pihak.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia